

27/11/1999

Ngauman DAP tidak lagi nyaring

Mior Kamarul Shahid

SETIAUSAHA Agung DAP, Lim Kit Siang, awal-awal lagi sudah pun mengaku kalah dengan memberi gambaran partinya tidak lagi mempunyai harapan untuk menang dalam pilihan umum kali ini. Pada waktu yang sama, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Ahmad Badawi menyatakan keyakinannya bahawa peluang Barisan Nasional (BN) untuk mencatat kemenangan di empat negeri yang menjadi tumpuan dalam pilihan raya umum kali ini - Perlis, Kedah, Terengganu dan Kelantan, semakin cerah.

Tidak dapat dipastikan apakah Kit Siang benar-benar jujur mengeluarkan kenyataannya itu atau ia hanyalah helah politik di saat-saat akhir menjelang hari pembuangan undi 29 November ini. Sebelum ini beliau beberapa kali mengulangi kenyataan bahawa ini adalah pertarungan antara hidup atau matinya DAP. Dalam pilihan raya umum sebelum inipun ungkapan yang sama dihebhukannya. Tetapi, bila musim pilihan raya tiba, DAP mengaum semula walau pun ngaumannya tidak senyaring dulu.

Bagi BN, keyakinan Abdullah adalah berasaskan kepada pemerhatian, kajian dan sokongan rakyat terhadap parti itu. Kecuali Kelantan yang mungkin menghadapi saingan sengit, BN sebenarnya tidak menghadapi masalah besar di Perlis, Kedah dan Terengganu. Tetapi, demi memerangkap Pas, BN menguatkan jentera pilihan raya di ketiga-tiga negeri itu.

Dalam politik, keyakinan pemimpin amat penting kerana ia memberi semangat kepada pengikut dan penyokongnya. Keadaan yang sama berlaku dalam sukan. Pemimpin yang melemahkan moral pengikutnya, jelas menunjukkan mereka tidak mempunyai keyakinan diri untuk memimpin.

Barangkali strategi Kit Siang berbeza. Beliau sebenarnya menggunakan tipu helah politik untuk menagih simpati rakyat. Dengan mengatakan partinya sudah tinggal nyawa ikan, beliau sebenarnya mengharap simpati rakyat, terutamanya pengundi Cina menyalurkan oksigen kepada partinya yang tenat itu. Memberi gambaran parti itu akan 'mati' selepas pilihan raya kali ini adalah kenyataan terdesak Kit Siang. Beliau meletakkan harapan agar penyokong parti itu tidak akan membenarkan DAP berkubur, seterusnya memberi undi kepada parti itu.

Apa pun helah Kit Siang, rakyat perlu membuat perhitungan waras. Apakah tanpa DAP, kaum Cina akan terpinggir? Sebelum ini pun, tidak ada pembelaan terhadap masyarakat Cina dilakukan oleh DAP. Apakah jasa DAP kepada rakyat dan negara ini? Berapa banyak pelabur yang mereka bawa masuk ke negara ini dan berapa banyak peluang pekerjaan yang mereka sediakan untuk rakyat? Apakah sumbangan mereka dalam sistem pendidikan negara atau perkhidmatan kesihatan?

Di Semenanjung Malaysia, perjuangan masyarakat Cina disalurkan menerusi MCA atau Gerakan manakala di Sabah dan Sarawak menerusi parti-parti komponen BN yang memperjuangkan hak masyarakat Cina. Sekali pun DAP terkubur, ia tidak akan merugikan. Di negara ini, amalan politik cauvenis, tidak sesuai. Cauvenisme bukanlah perjuangan rakyat negara ini yang selamanya mementingkan keamanan dan kesejahteraan hidup. Cuma, apa yang agak menghairankan bagaimana Pas boleh menerima DAP sebagai rakan jika ia benar-benar berjuang menegakkan negara Islam. Bolehkah Islam menerima cauvenisme? Jika Pas menerima DAP, bermakna Pas tidak ada bezanya dengan DAP.

Tidak mustahil selepas pilihan raya umum kali ini kenyataan Kit Siang bahawa DAP akan berkubur, akan menjadi kenyataan. Tidak mustahil juga selepas ini Pas dengan megahnya akan mengatakan itulah sebenarnya strategi

Pas untuk memusnahkan DAP. Umum mengetahui, DAP sebelum ini menentang penubuhan negara Islam tajaan Pas. Menerusi gabungan dalam barisan alternatif, Pas boleh mendakwa bahawa pengaruh partinyalah yang menyebabkan DAP tidak lagi mendapat sokongan masyarakat Cina. Logiknya memang ada kerana sokongan penyokong Cina terhadap DAP benar-benar merosot berikutan tindakan DAP bersahabat dengan Pas.

Pas sebelum ini sudah pun memberi gambaran bahawa ia parti pembelit. Ketika Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat mengusulkan Kit Siang akan dilantik sebagai Perdana Menteri dan menimbulkan rasa marah pemimpin lain parti itu, beliau memutarbelitkan kenyataannya dengan mengatakan itu adalah perangkap supaya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membubarkan Parlimen lebih awal. Kemudian timbul pula suara yang mengatakan pilihan raya tidak wajar diadakan tahun ini kerana tidak memberi peluang pengundi baru yang dianggarkan kira-kira 600,000 mengambil bahagian. Kenyataan yang tidak selari ini adalah permainan Pas.

Bagi penyokong kuat Pas, sikap mereka agak pelek. Ini kerana pengikut Pas taksub kepada pemimpin. Walau pun Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor dan Nik Aziz menerima DAP yang ternyata menentang Islam, mereka tetap menyokong parti itu. Apakah mereka juga tidak terfikir bahawa DAP juga mempunyai tujuan untuk melemahkan Pas. Bagi DAP, Islam tidak langsung boleh diterima di negara ini. DAP berharap apabila pemimpin Pas berbaik-baik dengan DAP, pengikut Pas akan meninggalkan parti itu dan melemahkan Pas. Oleh itu, masyarakat bukan Islam tidak lagi terancam dengan hasrat Pas untuk menubuhkan kerajaan Islam di Malaysia. Ini adalah congkak politik DAP yang tidak boleh dipandang ringan.

Setiap orang Melayu sama ada pendukung BN atau Pas perlu mengambil kira agenda halus DAP. Jika masyarakat Cina sendiri tidak boleh menerima DAP, tidak munasabah orang Melayu mahu memberi undi mereka kepada parti itu. Dalam pilihan raya kali ini, persepsi pengundi seharusnya berubah. Mereka perlu mengkaji sehalus-halusnya percaturan politik parti pembangkang sebelum membuat keputusan.

(END)